

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

Peperiksaan Semester Pertama
Sidang 1994/95

Oktober/November 1994

HGM 231 Geografi Manusia

Masa: [3 jam]

KERTAS PEPERIKSAAN INI MENGANDUNGI ENAM [6] SOALAN DI DALAM DUA [2] HALAMAN.

Jawab EMPAT [4] soalan. DUA [2] soalan daripada Bahagian A dan DUA [2] soalan daripada Bahagian B.

BAHAGIAN A - Jawab DUA [2] soalan

1. Huraikan Dua [2] daripada berikut:

[a] Kaedah saintifik dalam geografi. [12.5 markah]

[b] Analisis perbezaan ruang pemodenan menggunakan model taburan saiz-rank. [12.5 markah]

[c] Proses membuat keputusan dalam penyebaran dan penerimaan sesuatu pembaharuan. [12.5 markah]

2. Bincangkan perkembangan isi kandungan dan metodologi Geografi Manusia selepas Perang Dunia Kedua. [25 markah]

3. **SAMA ADA**

[a] Berdasarkan contoh-contoh yang digunakan oleh Leinbach (1970), tunjuk dan huraikan bagaimana peta telah digunakan untuk menganalisis ruang pemodenan di Semenanjung Malaysia. [25 markah]

.../2

ATAU

- [b] Merujuk kepada satu [1] jenis inovasi yang diperkenalkan di Malaysia, bincangkan bagaimana inovasi tersebut terbaur kepada seluruh penduduk mengikut ruang dan masa.

[25 markah]

BAHAGIAN B - Jawab DUA [2] soalan

4. Dengan merujuk kepada pandang darat petempatan yang berteraskan pertanian:

[a] Bincangkan elemen-elemen subjektif yang membentuk pandang darat mereka.

[15 markah]

[b] Nyatakan pengaruh-pengaruh alam sekitar dan manusia lain ke atas perilaku manusia yang membentuk pandang darat tersebut.

[10 markah]

5. Bincangkan perubahan yang berlaku ke atas hubungan alam-manusia dari peringkat budaya memburu dan memungut sehinggalah budaya bandar seperti yang dicerminkan oleh interaksi manusia dengan persekitarannya.

[25 markah]

6. Dengan merujuk kepada pendekatan-pendekatan yang anda ketahui dan tahap perubahan teknologi dewasa ini, bincangkan kemungkinan berlakunya perubahan pendekatan kajian Geografi manusia pada masa depan.

[25 markah]

-ooo000ooo-